



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	31/1/2011

PAS mahu PM bercakap benar tentang FLOM

Oleh TARMIZIMOHD JAM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri digesa mendedah dan bercakap benar tentang kewujudan Bahagian Wanita Pertama Malaysia atau *First Lady of Malaysia* (FLOM) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang hangat dipertanyakan sekarang.

Ketua Penerangan Muslimat PAS Pusat, Ustazah Salbiah Abdul Wahab berkata, siasatan menyeluruh perlu diadakan supaya tiada pembaziran duit rakyat dalam aktiviti dan penyelenggaraan divisyen ini.

Katanya, jika Perdana Menteri terns membiarkan Rosmah berbelanja boros, tidak mustahil divisyen FLOM ini akan dijadikan landasan untuk beliau mempergunakan wang rakyat sesuka

FLOM DIVISION				
Dotak Siti Azzah binti Sheikh Abad	Special Officer	sitiazizah@pmo.gov.my	03-8888 9672	03-8888 3424
Saleha binti Mohd Rabani	Personal Assistant	saleha@pmo.gov.my	03-8888 8037	03-8888 3424
G. Vimala	Asst. Officer with Special Functions	vimala@pmo.gov.my	03-8888 1952	03-8888 3424
Siti Zaiton binti Abdul Ghani	Personal Assistant	sitizaiton@pmo.gov.my	03-8888 8047	03-8888 3424
Rizal bin Mansor	Asst. Officer with Special Functions	ppnrizal@pmo.gov.my	03-8888 8015	03-8888 3424
Nurul Rosemiemmy binti Khasani/Mohamed	Asst. Officer with Special Functions	rosemiemmy@pmo.gov.my	03-8888 1972	03-8888 3963

Laman web Pejabat Perdana Menteri (www.pmo.gov.my/directory) yang mengesahkan kewujudan divisyen FLOM di JPM.

hatinya pada masa depan.

Beliau juga turut mempersoalkan "keistimewaan" Rosmah yang sewenang-wenangnya menggunakan kemudahan kerajaan berikutan lawatannya ke luar negara baru-baru ini.

"Rosmah bukan eksekutif, hanya isteri PM. Kenapa

kos menanggung perbelanjaannya begitu besar sekali? Dia guna duit rakyat, bukan duit peribadi," soalnya lagi.

Ustazah Salbiah berkata, masih ramai lagi menteri yang layak untuk membawa misi negara ke Oman, Dubai dan Bangladesh tetapi kenapa Rosmah pula yang me-



Ustazah Salbiah Abdul Wahab

mainkan peranan itu?

Beliau yakin, tertubuhnya divisyen FLOM ini akibat tiada kawalan dari Najib sendiri, sehingga menjadikan Rosmah hilang rasa malu dan pertimbangan terhadap Yang di-Pertuan Agong dan barisan Kabinet Kerajaan Malaysia seluruhnya.